



## “PENGHAYATAN KORBAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَكِنَّ  
اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ <sup>قَالَ</sup> وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ  
فَلِأَنْفُسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ وَمَا  
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian.**

Beberapa hari lagi kita akan menyambut hari raya Idulfitri dan melaksanakan ibadah korban. Sebagaimana yang kita maklum bahawa menyembelih korban itu adalah sebagai bukti pengorbanan seorang hamba untuk tujuan beribadah kepada-Nya. Mudah-mudahan segala pengorbanan, kebajikan dan amal soleh kita akan diterima oleh Allah dan ianya menjadi saksi kebaikan kita di dunia dan di akhirat kelak.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **"PENGHAYATAN KORBAN"**.

### **Sidang Jumaat Yang Berbahagia,**

Bagi umat Islam kisah pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim as ketika peristiwa korban anaknya Nabi Ismail, adalah suatu manifestasi ketundukan dan lambang ketaatan yang cukup tinggi dalam menjunjung titah perintah Allah SWT. Daripada peristiwa inilah telah disyariatkan dan dihubungkan dengan ibadah haji dan ibadah korban yang disambut setiap tahun. Ketaatan yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim as terhadap perintah Allah SWT dalam Al-Quran ini adalah lambang ketaqwaan seorang hamba terhadap penciptanya.



Umat Islam perlu memahami bahawa setiap peristiwa dan kisah-kisah yang dipaparkan di dalam al-Quran adalah sesuatu yang mesti diambil pengajaran dan iktibar darinya. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf ayat 111:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَكِن تَصَدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ



*“Sesungguhnya kisah para nabi itu mengandungi pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran. Al Quran itu bukanlah cerita-cerita yang direka, tetapi ia menjelaskan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab yang sebelumnya, dan sebagai keterangan yang menjelaskan segala sesuatu, serta menjadi hidayah dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman”.*

Begitulah kisah pengorbanan yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim as terhadap perintah Allah SWT yang menciptakan dirinya. Semoga kesan penghayatan kisah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail alaihima as-salam itu akan dapat memotivasikan dan mendorong diri kita agar terus berusaha untuk menjadi umat yang terbaik serta tunduk dan patuh kepada Allah SWT.

Satu persoalan yang perlu dilontarkan kepada diri kita ialah; adakah kita hari ini telah menjadi seorang hamba yang benar-benar memiliki ciri-



ciri pengorbanan yang sama seperti pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail alaihimas-salam?

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,

Kisah kehidupan Rasulullah s.a.w itu jika dikaji dan difahami, jelas memaparkan kepada kita bahawa perjalanan hidup Rasulullah s.a.w itu sebenarnya penuh dengan pengorbanan diri, pengorbanan emosi, harta dan jiwa raga yang berlaku secara langsung kepada baginda s.a.w. Oleh itu, Allah SWT telah memerintahkan kepada kita agar menjadikan kehidupan Rasulullah s.a.w sebagai contoh tauladan yang unggul.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ  
يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

*"Sesungguhnya, bagi kamu pada diri Rasulullah s.a.w itu model ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah SWT".*

Firman Allah ini memberi gambaran bagaimana Rasulullah SAW sentiasa berhadapan dengan ujian dan tekanan. Namun dengan jihad dan pengorbanan yang tinggi sahajalah ianya mampu ditangani.



Maka umat Islam hari ini perlu menyedari bahawa dalam kehidupan mereka mestilah ada konsep pengorbanan yang perlu dicatatkan sebagai suatu perkara yang mesti diperjuangkan dalam kehidupan ini bagi melayakkan diri mereka untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,**

Pertembungan antara hak dan batil adalah suatu sunnatullah. Ini adalah kerana kedatangan Islam itu adalah untuk menghancurkan dan menghilangkan kebatilan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 81:

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ ۗ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ  
زَهُوقًا

*Dan Katakanlah:" telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang batil (kufur dan syirik); Sesungguhnya yang batil itu pasti akan lenyap".*

Lantaran itu, untuk melihat Islam itu dimuliakan dan dimenangkan mengatasi kepercayaan dan cara hidup yang lain, maka umat Islam perlulah sanggup bersedia untuk berkorban demi Islam. Satu persoalan yang mungkin timbul: adakah umat Islam hari ini telah memiliki jiwa yang sanggup berkorban untuk mempejuangkan agama mereka?.

Sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w dan para sahabat telah menunjukkan kepada kita bahawa mereka sanggup berjuang demi agama



yang tercinta ini. Setelah kematian bapa saudanya dan isterinya pada tahun kesepuluh kerasulan, tekanan, ugutan bunuh dan penindasan dilakukan terhadap Nabi bertambah hebat, namun demi Allah dan agama yang tercinta, Baginda tetap bersabar dan bertawakal bahawa hanya Allah sahaja yang dapat memberi pertolongan. Rasulullah pernah membawa diri ke Taif untuk meminta perlindungan daripada ancaman di Mekah. Namun di sana, banyak tekanan dan kezaliman seperti dilempar batu, duri dan najis akan tetapi Rasulullah tetap bersabar dan memohon agar mereka diberikan hidayah dan petunjuk. Rasulullah dan para sahabatnya berkorban meninggalkan tanah air tercinta iaitu Mekah dan berhijrah ke Madinah semata-mata untuk membina kekuatan Islam sekalipun di bumi yang jauh lagi asing. Sebelum berhijrah ke Madinah, golongan kafir Quraisy cuba mengepung dengan niat hendak membunuh Baginda, namun Allah SWT menyelamatkannya sehingga terlepas daripada usaha jahat mereka. Tidak beberapa lama Rasulullah di Madinah, beberapa siri peperangan untuk mempertahankan Islam telah berlaku. Antaranya adalah peperangan Badar Kubra. Peperangan ini adalah lambang jihad dan pengorbanan tinggi Rasulullah dan sahabat seramai 313 orang berhadapan dengan 1000 tentera musuh. Namun dengan keimanan dan keyakinan yang tinggi, akhirnya umat Islam memperoleh kemenangan. Antaranya juga sejarah peperangan Tabuk telah mengajar kita erti pengorbanan harta, jiwa dan tenaga yang dipaparkan oleh Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman dan sahabat-sahabat yang lain dengan menginfakkan sebahagian besar harta mereka untuk membiayai jihad peperangan membela Islam. Malah terlalu banyak siri-siri peperangan lain yang menggambarkan pengorbanan Rasulullah dan para sahabat mempertahankan akidah dan Islam yang seharusnya dihayati oleh generasi hari ini.



Semangat inilah yang telah berjaya mengangkat Islam sebagai suatu cara hidup sejak lebih 1400 tahun dahulu. Mereka sanggup "berkorban" dengan harta dan nyawa demi kerana Allah dan Rasul-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujarat ayat 15:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُؤْتُوا جُزْءًا مِّمَّا كَفَرْتُمْ

*"Sesungguhnya orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Untuk menjadi umat yang terbaik, 'khaira ummah', perlulah kita memiliki pemikiran, perasaan dan sikap yang sanggup "berkorban" seperti yang telah ditunjukkan oleh generasi yang terdahulu itu. Lihatlah bagaimana musuh-musuh umat Islam yang diketuai oleh Zionis hari ini begitu rakus dalam menguasai dunia umat Islam serta menyebarkan ideologi kapitalisma ke seluruh dunia Islam.

Realiti di bumi Palestin khususnya di Ghaza, Iraq, Afghanistan, Mesir, Syria dan beberapa negara lain memberikan gambaran jelas



kepada kita akan sikap dan tindak tanduk mereka yang sentiasa rakus memusuhi Islam. Kunci-kunci mereka yang terdiri daripada negara Amerika Syarikat sanggup mengorbankan harta dan nyawa rakyatnya semata-mata untuk memastikan ideologi kapitalisma yang mereka anuti itu tersebar ke seluruh dunia khususnya ke bumi umat Islam.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Umat Islam wajib berkorban dan berjihad dengan apa sahaja untuk mempertahankan dan membela negara dan umat Islam yang ditindas oleh musuh Islam, baik berupa wang ringgit, ketenteraan, perubatan, pendidikan, pembangunan mahupun tenaga kerja manusia dan lain-lain.

Sekiranya pengorbanan dan jihad umat Islam tidak digandakan, tidak mustahil akan berlaku cengkaman terhadap negara Islam. Umat Islam di bumi Palestin, bumi tempat terletakinya masjid Al-Aqsa sebagai kiblat pertama umat Islam dan masjid ketiga termulia selepas Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, kini masih lagi berada di bawah kekuasaan rejim kufur Yahudi laknatullah. Begitu juga nasib umat Islam di bumi Iraq, Afghanistan dan lain-lain negara secara keseluruhan masih lagi berada dibawah penguasaan kufur secara langsung mahupun tidak langsung. Kini Syiria dan Mesir pula menghadapi krisis peperangan sesama sendiri yang boleh menggugat kedaulatan Islam.

Justeru, bagi mengembalikan kedaulatan Islam dan umatnya, suatu pengorbanan dari seluruh dunia umat Islam amat diperlukan. Adakah kita umat Islam hari ini telah bersedia untuk melakukan pengorbanan seiring dengan sambutan hari raya korban yang akan diraikan beberapa hari lagi di seluruh dunia?.



## Sidang Jumaat Yang Berbahagia,

Kita yang memiliki jiwa berkorban akan senantiasa terpanggil untuk melaksanakan ketaatan kepada seluruh perintah Allah SWT samada ianya berbentuk perintah mahupun larangan Allah SWT dalam usaha kita untuk mendapatkan keredhaan-Nya, walaupun kita terpaksa mengorbankan segala-galanya baik harta mahupun nyawa. Kita wajar memahami bahawa kewujudan kita di dunia ini adalah semata-mata untuk mengabdikan diri sepenuhnya kepada perintah Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ  
وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ

*"Pergilah kamu beramai-ramai untuk berperang pada jalan Allah, samada dengan keadaan ringan ataupun dengan keadaan berat (jaitu samada dalam keadaan susah atau senang, bersemangat atau tidak bersemangat); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui".* (At-Taubat:41)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ  
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ  
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى  
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ  
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ  
الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ  
صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ  
الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ  
مِنْكَ ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ



السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا  
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat,



menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.